



**KONGRES KESATUAN PEKERJA-PEKERJA DI DALAM PERKHIDMATAN AWAM
GREAT EASTERN TAKAFUL BERHAD (916257-H)
PERLINDUNGAN TAKAFUL BERKELOMPOK
CUEPACS TAKAFUL LIVING CARE NO GPT20**



CUEPACS

Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam dengan kerjasama Great Eastern Takaful menawarkan satu pelan dengan kombinasi perlindungan takaful dan simpanan. Perlindungan Takaful Berkelompok merupakan satu pelan takaful berkelompok dengan pembaharuan tahunan yang menyediakan pelbagai manfaat sekiranya berlaku musibah di dalam tempoh perlindungan di mana sebahagian caruman yang anda bayar akan diperuntukkan di dalam Akaun Individu Peserta (PIA) untuk pelaburan. Skim ini menyediakan perlindungan kepada semua ahli Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam, pasangan serta anak-anak yang sah disisi undang-undang.

UNTUK CARUMAN BERMULA DARI RM1.33 SEHARI

Perlindungan yang ditawarkan di bawah skim ini

Maafaat	Jumlah Perlindungan dengan caruman bulanan RM40	Jumlah Perlindungan dengan caruman bulanan RM50	Jumlah Perlindungan dengan caruman bulanan RM60
Kematian akibat Penyakit	RM 40,000	RM 50,000	RM 60,000
Kematian akibat Kemalangan	RM 80,000	RM 100,000	RM 120,000
Penyakit Kritikal	RM 40,000	RM 50,000	RM 60,000
Hilang Upaya Penuh & Kekal (HUPK) akibat Penyakit	RM 40,000	RM 50,000	RM 60,000
Hilang Upaya Penuh & Kekal (HUPK) akibat Kemalangan	RM 80,000	RM 100,000	RM 120,000
Manfaat Ihsan	RM 2,000	RM 2,000	RM 2,000
Elaun Kemasukan Hospital	RM 40	RM 50	RM 60
Nilai Tunai	Jumlah yang tinggal di dalam Akaun Individu Peserta (PIA)		

Nota:

- Tempoh pembaharuan maksimum untuk skim ini adalah sehingga umur 69 tahun hari lahir berikutnya, kecuali untuk HUPK dan Elaun Kemasukan Hospital di mana tempoh pembaharuan maksimum adalah sehingga umur 64 tahun hari lahir berikutnya sahaja.
- Tertakluk kepada terma dan syarat.

KEISTIMEWAAN SKIMINI !!!

- Caruman yang sama untuk semua peringkat umur sepanjang tempoh perlindungan.
- Layak menerima perkongsian Lebihan Pengunderitan (jika ada) di antara Anda dan Great Eastern Takaful Berhad dengan nisbah yang dipersetujui, dan Keuntungan Pelaburan (jika ada) yang terhasil dari Dana Tabarru' secara keseluruhan.
- Semua ahli keluarga akan dilindungi di bawah satu skim takaful.
- Kemudahan Pengeluaran Tunai sewaktu kecemasan dengan jumlah minima yang boleh dikeluarkan adalah RM100.
- Menikmati Manfaat Cukai tertakluk kepada Akta Cukai Pendapatan Malaysia 1967, dan Lembaga Hasil Dalam Negeri.

KELAYAKAN

- Ahli dan pasangan yang sah disisi undang-undang yang berumur antara 19 hingga 60 tahun hari lahir berikutnya.
- Anak yang berumur antara 30 hari hingga 23 tahun hari lahir berikutnya dengan syarat belum berkahwin, masih melanjutkan pelajaran sepenuh masa dan/atau belum bekerja sepenuhnya.
- Ahli perlu menyertai skim ini untuk membolehkan tanggungannya turut menyertai skim ini.

36 PENYAKIT KRITIKAL

1) Penyakit Alzheimer / Demensia Teruk	19) Pembedahan Injap Jantung
2) Angioplasti dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari	20) Jangkitan HIV Melalui Transfusi Darah
3) Meningitis Bakteria – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan	21) Kegagalan Buah Pinggang – memerlukan dialisis atau transplant buah pinggang
4) Tumor Otak Benign – keterangan tertentu	22) Kehilangan upaya hidup sendiri (berdikari)
5) Buta – Kekal dan Tidak boleh Pulih	23) Hilang Keupayaan Bertutur
6) Pembedahan Otak	24) Trauma Kepala Major (teruk) – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian
7) Kanser – keterangan tertentu dan tidak melindungi kanser tahap awal	25) Transplant Organ Utama/Sumsum Tulang
8) Kardiomiopati – keterangan tertentu	26) Penyakit Neuron Motor – defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal berterusan
9) Anemia Aplastik Kronik – mengakibatkan Kegagalan Kekal Sumsum Tulang	27) Sklerosis Multipel
10) Koma – mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal yang berterusan	28) Distrofi Otot
11) Pembedahan Pintasan Arteri Koronari	29) Penyakit Arteri Koronari Serius
12) Pekak – Kekal dan Tidak boleh pulih	30) Kelumpuhan Anggota
13) Ensefalitis – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti	31) Penyakit Parkinson – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian
14) Kegagalan Hati Tahap Akhir	32) Hipertensi Arteri Pulmonari Primer – keterangan tertentu
15) Penyakit Paru-paru Tahap Akhir	33) Strok/Angin Ahmar – mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan simptom-simptom klinikal berterusan.
16) AIDS Dengan Gejala Penuh	34) Pembedahan Aorta
17) Hepatitis Viral Fulminan	35) Lupus Eritematosus Sistemik Dengan Komplikasi Buah Pinggang Yang Teruk
18) Serangan Jantung – keterangan tertentu	36) Kelecuran Tahap Ketiga – keterangan tertentu

Definisi terperinci penyakit kritikal (seperti yang termaktub di dalam Sijil Induk) perlu dipenuhi sebelum sebarang tuntutan manfaat 36 Penyakit Kritikal dibayar.

JADUAL PAMPASAN

Bahagian A	Peratusan (%) Jumlah Perlindungan
1.) Kematian	100
2.) Hilang Upaya Penuh dan Kekal	100
Bahagian B	
1.) Kehilangan Kegunaan kedua-dua belah tangan	100
2.) Kehilangan Kegunaan kedua-dua belah kaki	100
3.) Kehilangan Penglihatan pada kedua-dua belah mata secara menyeluruh dan tidak dapat dipulihkan	100
4.) Kehilangan sebelah tangan dan sebelah kaki	100
5.) Hilang akal yang menyeluruh dan tidak dapat dipulihkan	100
6.) Kecederaan yang mengakibatkan terlantar di katil secara kekal	100
7.) Sebarang kecederaan lain yang mengakibatkan hilang upaya penuh kekal	100
8.) Lumpuh keseluruhan dan tidak boleh dipulihkan	100

Bagi kecederaan akibat kemalangan yang tidak disenaraikan di Bahagian B di atas, pampasan akan dibayar mengikut kadar kehilangan yang dialami sebagaimana terkandung dalam Sijil Induk. Walau bagaimanapun, pembayaran jumlah manfaat tidak akan melebihi 100% dari Jumlah Perlindungan.

MANFAAT-MANFAAT DI BAWAH SKIM INI**Manfaat Kematian/HUPK (disebabkan penyakit)**Permohonan yang diterima berdasarkan tempoh promosi khas[#]

1. Hanya 50% dari Manfaat Kematian akan dibayar sekiranya berlaku kematian dalam tempoh 1 tahun pertama dari tarikh berkuatkuasa perlindungan yang disebabkan oleh penyakit sedia.
2. Hanya 50% dari Manfaat HUPK akan dibayar sekiranya berlaku HUPK dalam tempoh 1 tahun pertama dari tarikh berkuatkuasa perlindungan (Bukan penyakit sedia ada).
3. Tiada tuntutan akan dibayar untuk sebarang tuntutan HUPK yang disebabkan oleh penyakit sedia ada.
4. Jumlah penuh Perlindungan akan dibayar untuk kejadian yang tidak dinyatakan diatas.

Permohonan yang diterima berdasarkan pengunderitan penuh

1. Jumlah penuh Perlindungan akan dibayar sekiranya berlaku kematian/HUPK.
2. Tiada tuntutan akan dibayar untuk sebarang kematian/HUPK yang berlaku disebabkan penyakit sedia ada yang tidak dinyatakan.

Manfaat Penyakit Kritikal

- Manfaat ini akan dibayar setelah ahli atau tanggungan didiagnosis dengan salah satu daripada 36 penyakit kritikal (Bukan penyakit sedia ada), tertakluk kepada:

Permohonan yang diterima berdasarkan tempoh promosi khas[#]

1. Hanya 50% dari Manfaat Penyakit Kritikal akan dibayar sekiranya Penyakit Kritikal didiagnosis dalam tempoh 1 tahun pertama perlindungan berkuatkuasa (Bukan penyakit sedia ada).
2. Jumlah penuh Manfaat Penyakit Kritikal akan dibayar sekiranya Penyakit Kritikal berlaku selepas 1 tahun dari tarikh berkuatkuasa perlindungan. (Bukan penyakit sedia ada).
3. Tiada Manfaat Penyakit Kritikal yang akan dibayar untuk sebarang tuntutan yang disebabkan oleh penyakit kritikal sedia ada atau pun penyakit kritikal yang didiagnos dalam tempoh 60 hari pertama dari tarikh berkuatkuasa perlindungan.
4. Perlindungan untuk ahli-ahli yang telah membuat tuntutan manfaat ini akan terhenti apabila 100% bayaran tuntutan telah dibayar.

Permohonan yang diterima berdasarkan pengunderitan penuh

1. Jumlah penuh Perlindungan akan dibayar sekiranya didiagnosis dengan salah satu daripada 36 penyakit kritikal.
2. Tiada tuntutan akan dibayar untuk sebarang penyakit kritikal yang sedia ada yang tidak dinyatakan.

Manfaat Kematian/HUPK (disebabkan kemalangan)

- Jumlah Perlindungan akan dibayar untuk kematian/HUPK akibat kemalangan berdasarkan Jadual Manfaat Perlindungan di atas.
- Jumlah tuntutan untuk Hilang Upaya Separa dan Kekal (HUSK) akan dibayar mengikut Jadual Pampasan seperti yang dilampirkan dalam Sijil Induk.
- HUSK disebabkan kemalangan akan mengurangkan manfaat kematian/HUPK yang disebabkan Kemalangan.

Manfaat Elaun Kemasukan Hospital

- Sekiranya ahli atau tanggungan dimasukkan ke mana-mana hospital kerajaan atau swasta untuk sebarang penyakit atau kecederaan akibat kemalangan, ahli atau tanggungan tersebut layak untuk mendapat Manfaat Elaun Kemasukan Hospital secara harian, sehingga had maksimum hari yang ditetapkan bagi setiap perlindungan (contohnya RM30/sehari, had maksimum hari untuk bagi setiap perlindungan ialah 500 hari) tertakluk kepada 30 hari waktu menunggu dari tarikh potongan gaji).
- Walau bagaimanapun, jika ahli atau tanggungan dimasukkan ke hospital disebabkan oleh penyakit sedia ada sebelum tarikh berkuatkuasa, manfaat ini tidak akan dibayar.

Manfaat Matang

- Jumlah yang tinggal di dalam PIA (jika ada) akan dibayar apabila pada tempoh matang.

Nilai Serahan

- Sekiranya ahli atau tanggungan memilih untuk membatalkan pelan sebelum mencapai umur 70 tahun, ahli atau tanggungan akan menerima jumlah yang tinggal di dalam PIA, jika ada

Manfaat Ihsan

- Sekiranya ahli atau tanggungan meninggal dunia, RM 2,000 akan dibayar sekaligus kepada keluarga bagi ahli atau tanggungan. Manfaat ini adalah untuk membantu meringankan beban kos perbelanjaan pengebumian.

Nota:

- i) Tertakluk kepada terma dan syarat.
- ii) Tempoh promosi khas bermaksud suatu tempoh tertentu bagi penyertaan Perlindungan Takaful di bawah skim ini, seperti yang ditentukan oleh Pengendali Takaful mengikut budi bicara tunggal dan mutlaknya.

***Semua permohonan yang diterima dalam tempoh promosi khas akan dikecualikan dari pemeriksaan perubatan**

CARUMAN YANG DIPERUNTUKKAN RM 40/ Bulan

Tahun Perlindungan		1 tahun
Caruman dibayar untuk setahun (RM)		480
Caruman yang Diperuntukkan	%	76%
	RM	273.60

*Caruman yang diperuntukkan merupakan caruman yang dibayar ditolak dengan caruman yang tidak diperuntukkan (Caj Pendahuluan) dan Caj Tabarru' akan di peruntukkan ke dalam PIA.

Pulangan Pelaburan Tahunan Sebenar

Tahun	PIA
2011	1.88%^
2012	5.57%
2013	4.52%
2014	3.81%
2015	4.78%

^aIni adalah pulangan pelaburan tahunan yang dikira berdasarkan prestasi 3 bulan dari Oktober hingga Disember 2011.

Ini adalah sejarah pulangan pelaburan tahunan sebenar. Prestasi sebenar yang lepas bukan panduan untuk prestasi pada masa depan kerana ia mungkin berbeza dan ia adalah tidak dijamin.

SOALAN LAZIM

S. Bolehkah ahli/pasangan/anak memohon untuk membayar caruman yang lebih tinggi daripada caruman permulaan yang ditentukan oleh Persatuan/Syarikat?

- J. Ya, ahli/pasangan/anak boleh memohon untuk membayar caruman yang lebih tinggi dengan melengkapkan Borang Cadangan untuk Skim Takaful Berkelompok Pelbagai Manfaat, tertakluk kepada kelulusan oleh Great Eastern Takaful Berhad dan jumlah manfaat maksimum yang dibenarkan.

S. Bolehkah saya meneruskan penyertaan di dalam skim ini sekiranya saya sudah berhenti atau meletakkan jawatan sebelum mehcapi umur matang pada 70 tahun?

- J. Ya, anda boleh meneruskan penyertaan sehingga maximum umur yang boleh diperbaharui 69 tahun hari lahir berikutnya dengan membayar caruman terus kepada Great Eastern Takaful Berhad dan selagi Peserta anda memperbaharui pelan ini.

S. Bolehkah tanggungan menikmati Jumlah Perlindungan yang tinggi berbanding ahli?

- J. Tidak, Jumlah Perlindungan tanggungan hendaklah sama atau kurang dari ahli.

S. Bagaimakah saya boleh membuat caruman?

- J. Anda mempunyai fleksibiliti untuk membuat caruman menggunakan GIRO, Biro Perkhidmatan Angkasa, Tunai, Cek atau Kad Kredit secara tahunan, setengah tahunan,suku tahunan atau bulanan.

S. Apakah yuran dan caj yang dikenakan?

- J. i) Caj Pendahuluan (caruman tidak diperuntukkan) sebagai peratusan daripada caruman yang dibayar akan ditolak untuk pembayaran perbelanjaan Great Eastern Takaful Berhad termasuk komisen kepada perantara perkhidmatan dan perbelanjaan berkaitan pengagihan lain.

ii) Caj Tabarru' akan ditolak secara terus dari caruman yang dibayar. Great Eastern Takaful Berhad berhak untuk mengubah Tabarru' pada ulang tahun sijil bergantung kepada purata profil umur dan pengalaman tuntutan skim dengan memberi notis bertulis sekurang-kurangnya tiga (3) bulan terlebih dahulu kepada Peserta.

iii) Yuran Perkhidmatan ialah bayaran yang dibayar kepada Peserta berdasarkan kadar yang ditentukan oleh Great Eastern Takaful Berhad mengikut budi bicara tunggal dan mutlaknya berdasarkan caruman sebenar yang diterima.

S. Bolehkah tanggungan (pasangan) meneruskan untuk menyertai skim ini sekiranya ahli ditimpa Kematian/HUPK/Penyakit Kritis sebelum mencapai umur 70tahun?

- J. Ya, tanggungan boleh meneruskan untuk menyertai skim ini sehingga maksima umur yang boleh diperbaharui 69 tahun hari lahir berikutnya.

S. Apakah pengecualian dibawah Skim ini?

J. Secara umumnya, Skim ini tidak akan melindungi sebarang tuntutan yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung dengan:

- Percubaan bunuh diri atau kecederaan yang dilakukan sendiri ketika waras atau tidak waras
- HUPK/Penyakit yang sedia wujud atau Tarikh Berkaukuasa, atau pada tarikh sebarang penguatkuasaan semula Sijil Takaful, mana yang kemudian
- Peperangan, sama ada diistiharkan atau tidak, pemberontakan awam, revolusi, atau sebarang operasi berkaitan peperangan

Senarai pengecualian yang dinyatakan diatas adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk Sijil Induk yang di keluarkan oleh Great Eastern Takaful Berhad untuk butiran lanjut.

TUNTUTAN ANAK-ANAK

Sekiranya tanggungan yang dilindungi meninggal dunia, HUPK atau di diagosis dengan penyakit kritis sebelum tanggungan mencapai umur 5 tahun hari lahir berikutnya, Jumlah Perlindungan akan dikurangkan menurut jadual berikut:

Umur hari lahir berikutnya	Jumlah yang Dibayar apabila Kematian atau HUPK atau diagnosis dengan Penyakit Kritis
1	20% dari Jumlah Perlindungan
2	40% dari Jumlah Perlindungan
3	60% dari Jumlah Perlindungan
4	80% dari Jumlah Perlindungan
5	100% dari Jumlah Perlindungan

Syarat dan terma tuntutan untuk kematian, HUPK atau Penyakit Kritis adalah sama seperti syarat di nyatakan di bawah Manfaat-Manfaat di Bawah Skim Ini.

Notis Penting:

1. Borang permohonan hanya sah untuk tempoh enam (6) bulan dari tarikh permohonan. Borang permohonan yang lengkap diisi harus dikembalikan segera untuk mengelakkan sebarang kelewatan.
2. GPT merupakan pelan takaful berkelompok dengan pembaharuan tahunan yang matang sehingga maksimum umur yang boleh diperbaharui 70 tahun hari lahir berikutnya beserta manfaat perlindungan takaful keluarga.
3. Anda seharusnya berpuas hati bahawa skim ini akan memenuhi keperluan anda dengan sebaiknya dan caruman yang dibayar di bawah sijil anda adalah jumlah yang anda mampu bayar. Tempoh Rujukan Percuma selama 15 hari daripada tarikh penghantaran sijil diberi kepada anda untuk meneliti kesesuaian skim. Jika sijil dikembalikan kepada Pengendali Takaful dalam tempoh ini, Pengendali Takaful akan membayar balik apa-apa caruman yang telah dibayar tertakluk hanya kepada potongan perbelanjaan yang ditanggung untuk pemeriksaan perubatan ahli atau tanggungan.
4. Anda boleh menerima jumlah baki dalam PIA (jika ada) apabila pelan ditamatkan atau matang, yang mungkin akan kurang daripada jumlah caruman yang diperuntukkan ke dalam PIA. Tiada manfaat akan dibayar dari Dana Tabarru'.
5. Jumlah di dalam PIA tidak dijamin dan anda menanggung risiko pelaburan di bawah pelan ini.
6. Anda boleh berhenti membayar caruman dan masih menikmati perlindungan selagi terdapat jumlah yang mencukupi di dalam PIA untuk 'membayar kadar Tabarru'. Namun terdapat kemungkinan sijil menjadi loput apabila caj yang dikenakan, termasuk kadar Tabarru' melebihi jumlah baki yang ada di dalam PIA.
7. Great Eastern Takaful Berhad boleh mengubah jumlah caruman, syarat dan terma sijil ini pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis tiga (3) bulan terlebih dahulu kepada Peserta.
8. Risalah ini hanyalah untuk pemberitahuan am sahaja. Anda dinasihatkan untuk merujuk Risalah Pemberitahuan Produk dan Sijil Induk bagi mendapatkan maklumat terperinci berkenaan ciri-ciri dan manfaat-manfaat skim.
9. Semua dana dilaburkan dalam sekuriti yang berlandaskan Syariah. Perlindungan Takaful Berkelompok merupakan produk berlandaskan Syariah.
10. Jika terdapat apa-apa percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia pada risalah ini, versi Bahasa Inggeris akan diberi keutamaan dan kekal sebagai rujukan mutlak.
11. "Anda" merujuk kepada pencarum di bawah pelan ini.
12. "Peserta" merujuk kepada Syarikat, Organisasi, Koperasi atau Institusi Kewangan yang bertindak sebagai pemilik sijil.
13. Akaun Individu Peserta (PIA) merujuk kepada akaun yang mana caruman dan Lebihan Pengunderitan (jika ada) dan/atau Keuntungan Pelaburan (jika ada) yang terhasil akan diperuntukkan.
14. Dana Tabarru merujuk kepada kumpulan dana yang disediakan demi kesejahteraan dan menjalin kerjasama di antara Orang yang Dilindungi yang digunakan untuk membantu Orang yang Dilindungi sekiranya berlaku perkara yang tidak diingini.

AGENSI PEMASARAN DAN PERKHIDMATAN

CUEPACS TAKAFUL LIVING CARE

D/A RL Majusinar Sdn Bhd
Level 3, Bangunan PSM, No. 17B Jalan Bangsar,
59200 Kuala Lumpur

Tel/Fax : 03-2283 6361, 03-2283 6272, 017-634 0518
Email : ctlcplus@yahoo.com
Web : ctlcplus.com

ATAU

Wakil Ceupacs Bahagian-bahagian
Wakil Kesatuan-kesatuan Gabungan Ceupacs

IBU PEJABAT:

Great Eastern Takaful Berhad
Menara Great Eastern, Tingkat 3,
303 Jalan Ampang 50450, Kuala Lumpur
Helpline : 03-4813 3818
Tel : 03-4259 8888
Fax : 03-4259 8899